

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. EWON EBIN (RANAU)
TARIKH : 17 NOVEMBER 2015 (SELASA)
NO. SOALAN : 17

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam menyemaikan semangat perpaduan, kerjasama, keharmonian serta kesejahteraan antara kaum di Negara ini susulan dengan insiden baju kuning pada 31 Ogos 2015 dan baju merah pada 16 September 2015 yang lalu.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Sejak merdeka lagi, kerajaan telah, sedang akan terus memupuk semangat perpaduan dalam memakmurkan negara kita. Pelbagai dasar telah dijalankan untuk mencapai proses perpaduan ini. Tanpa perpaduan, kemajuan negara yang ingin dicapai untuk Wawasan 2020 tidak mungkin

akan menjadi kenyataan kerana kerjasama semua pihak diperlukan untuk menjana kemajuan, kesejahteraan dan keharmonian negara.

Mengurus isu berkaitan perhubungan kaum memerlukan tindakan bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi, badan-badan bukan kerajaan, pelbagai pertubuhan dan juga pemimpin di semua peringkat. Peranan saluran komunikasi juga amat penting dan turut dilibatkan sebagai medium untuk menyalurkan maklumat yang betul dan tepat.

Di dalam usaha pemulihan susulan perhimpunan Bersih 4.0 dan Himpunan Rakyat Bersatu baru-baru ini, beberapa usaha telah dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Antara usaha-usaha itu termasuklah:

- (i) Memberi penjelasan melalui perjumpaan dan sesi dialog dari semasa ke semasa kepada ejen-ejen perpaduan seperti Jawatankuasa Rukun Tetangga (JKRT), Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh kelompok yang berhimpun supaya ia tidak terus menerus menjadi persoalan yang tidak terjawab di kalangan masyarakat akar umbi.
- (ii) Mengadakan perbincangan dengan saluran media arus perdana seperti RTM tentang usaha yang sesuai dilaksanakan. Setakat ini beberapa orang pegawai dari JPNIN telah hadir

dalam slot berita radio dan TV nasional menjelaskan tentang aspek perpaduan dan sambutan Hari Malaysia.

- (iii) Mengadakan kolaborasi dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) di dalam menganjur program dan aktiviti untuk memelihara perpaduan. Dalam masa yang sama penjelasan turut diberi tentang isu-isu semasa yang berbangkit.

Usaha pemulihan dikalangan mereka yang terlibat dan menyertai perhimpunan itu memang merupakan cabaran yang besar yang memerlukan tindakan bersepadu dan inklusif. Oleh itu usaha JPNIN ini lebih tertumpu kepada pendidikan dan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya perpaduan dan perhubungan kaum itu sentiasa dipelihara dan perlu ditingkatkan. Sasaran utama adalah masyarakat akar umbi dan golongan pelajar supaya mereka tidak terpengaruh dengan isu-isu berbentuk perkauman.

Sekian, terima kasih